

**AKAD PERWAKILAN IBADAT KORBAN KE LUAR NEGARA:
SATU SOROTAN LITERATUR**

Mohd Musa Sarip, Rosli Mokhtar, Muhamad Ismail Abdullah,
mmusa@kuis.edu.my, rosli@kuis.edu.my
muhamadismail@kuis.edu.my
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

ABSTRAK

Ibadat korban merupakan suatu tuntutan ibadat yang menjadi syiar Islam dilaksanakan pada hari raya Aidiladha atau hari-hari Tasyrik iaitu pada 11,12 dan 13 Zulhijjah. Tujuannya adalah sebagai amalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Ibadat korban kebiasaannya dilakukan di tempat tinggal individu yang melakukan korban. Namun, telah wujud akhir-akhir ini program-program ibadat korban dilakukan di luar negara. Program-program korban seperti ini telah dianjurkan oleh individu atau institusi-institusi berbentuk sukarelawan, kebajikan, agama atau syarikat-syarikat perniagaan. Artikel ini membincangkan satu perkembangan penulisan, sama ada dalam bentuk penyelidikan, buku, artikel dan sebagainya dalam membahaskan isu ibadat korban di luar negara. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan metode kualitatif dengan mengambil pendekatan kajian kepustakaan. Hasil sorotan kajian yang dilakukan boleh dikatakan bahawa telah banyak penulisan, lontaran idea dan perbincangan berkenaan perkara ini dibuat oleh para sarjana, ahli akademik dan juga pihak kerajaan. Ibadat korban di luar negara ini melalui individu atau institusi-institusi tertentu mengguna pakai akad perwakilan antara peserta dan pengurus secara muamalatnya. Walau bagaimanapun, sehingga artikel ini dibuat, masih belum ada kajian yang meneliti secara khusus amalan akad perwakilan antara peserta dan pengurus program ibadat korban di luar negara yang menjadi asas utama dalam menentukan kejayaan pelaksanaan ibadat tersebut.

Kata kunci: wakalah, upah, hibah, sembelihan, wakil.

1.0 PENGENALAN

Ibadat korban merupakan suatu ibadat yang amat dituntut dalam syariat Islam. Ianya adalah syiar Islam dalam menghubungkan jalinan kasih sayang di antara golongan yang berkemampuan dengan golongan yang susah. Agihan daging korban ini dapat membantu golongan susah untuk sama-sama menikmati kemeriahan sambutan Hari Raya Aidil Adha.

Kebiasaannya ibadat korban dilaksanakan di tempat tinggal masing-masing sama ada di taman perumahan atau di kampung-kampung halaman. Walau bagaimanapun, dewasa ini sudah ada inisiatif yang dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan dan syarikat perkhidmatan yang menjalankan ibadat korban ke luar negara. Secara umumnya, penubuhan pertubuhan dan syarikat perkhidmatan ini diwujudkan adalah untuk membantu masyarakat Islam yang sangat memerlukan di luar negara agar dapat sama-sama menikmati keindahan syiar Islam di pagi Hari Raya Aidil Adha.

2.0 METADOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan secara penyelidikan kualitatif dengan menumpukan kepada metode pengumpulan data melalui kaedah pemerhatian dan penganalisaan kandungan dokumen. Pengumpulan data kepustakaan dilakukan berasaskan sumber primer dan sekunder daripada kitab-kitab *turath* dan sumber-sumber lain seperti buku, jurnal, artikel, kertas persidangan, laporan penyelidikan, tesis, keratan akhbar, carian di internet dan seumpamanya.

3.0 SOROTAN KAJIAN

Korban merupakan ibadat yang diamalkan oleh umat Islam di seluruh dunia. Umat Islam digalakkan untuk melaksanakan bagi yang berkemampuan. Ibadat ini dilakukan rentetan mengingati peristiwa perintah Allah kepada Nabi Ibrahim a.s untuk menyembelih Nabi Ismail a.s.

3.1 Maqasid Syariah dalam Pelaksanaan Ibadat Korban

Korban menurut ^cAbdul ^cAzhim Badawi (2001) dalam *al-Wajîz fî Fiqhi al-Sunnah* dan *Wizarah al-Aufaq wal as-shuun al-Islamiah Kuwaitiyah* (2010) adalah haiwan ternakan yang disembelih pada Hari Raya Aidil Adha dan hari-hari *tasyrik* dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan syarat-syarat yang khusus. Haiwan yang disembelih bukan dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT. misalnya seperti untuk dijual, dimakan ataupun untuk memuliakan tetamu, maka ia tidak dinamakan sebagai *udhīyyah*. Selain itu, haiwan ternakan yang disembelih selain pada Hari Raya Aidil Adha dan hari-hari *tasyrik*, tidak dinamakan ibadah korban walaupun disembelih dengan tujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Setiap ibadah yang ditetapkan oleh Allah SWT pasti tersirat hikmah dan kebaikannya. Biarpun ibadah korban ini tidak menjadi wajib sebagaimana wajibnya solat fardhu lima waktu, namun ibadah ini amat dituntut dalam Islam bagi yang berkemampuan. Dalam konteks menjaga agama, ibadah korban memberi sumbangan besar dalam menonjolkan syiar Islam iaitu seseorang muslim menyembelih dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah s.w.t dan mendapat keampunan dan keredhaanNya (al-Khin et al., 2000). Selain itu, ibadah korban mampu menghasilkan hubungan yang baik dalam kalangan masyarakat dan sekaligus dapat menjauhkan sifat kebencian dan bermusuhan semasa mereka.

Dalam sebuah hadis daripada Zaid Bin Arqam r.a. bermaksud:

“Para sahabat Rasulullah SAW bertanya: “Wahai Rasulullah! Apakah yang ada pada korban itu?” Rasulullah menjawab: “Ia adalah sunnah bapa kamu Ibrahim” Mereka berkata: “Apa yang akan kami perolehi darinya wahai Rasulullah?” Rasulullah menjawab: “Bagi setiap helai rambut satu kebajikan” Mereka berkata: “Bagaimana pula dengan bulu wahai Rasulullah?” Rasulullah menjawab: “Bagi setiap helai bulu satu kebajikan.”
(Hadis riwayat Ibnu Majah)

Pengertian kebajikan atau *hasanah* mempunyai maksud yang berbeza-beza di kalangan para ulama ahli tafsir. *Hasanah* adalah satu perkataan yang mempunyai maksud yang subjektif. Banyak penjelasan daripada mereka tentang tafsiran kalimah *hasanah*. Antaranya ialah Abu Qasim al-Asfahani (1991) yang menyebutkan bahawa *hasanah* itu ialah segala perkara yang merupakan nikmat bagi manusia terhadap diri, tubuh badan dan keadaan mereka. Ibnu Kathir rah. (1981) mengatakan bahawa kebajikan atau kebaikan (*hasanah*) di dunia itu meliputi semua

yang bersifat keduniaan seperti sehat, selamat, tempat tinggal yang luas, isteri yang baik, rezeki yang banyak dan sebagainya. Manakala *hasanah* di akhirat pula, yang tertinggi ialah masuk syurga dan selanjutnya semua kebahagiaan yang menjadi pelengkap kehidupan di dalam syurga itu.

Menurut Imam al-Suyuti dan Imam al-Mahalli (2011), *hasanah* di dunia bermaksud nikmat dan *hasanah* diakhirat bermaksud syurga. Manakala menurut Imam al-Qurthubi rah. (1964), maksud *hasanah* ialah kalimah iman. Hal ini bertepatan dengan sebuah hadith *qudsi* yang diriwayatkan oleh Abu Dzar r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda, maksudnya:

Dari Abi Dzar r.a.: Allah SWT berfirman: “Sesiapa yang datang (melakukan) satu kebajikan, maka baginya sepuluh ganda pahala seperti nya dan Aku (Allah) akan menambahnya lagi”.

(Hadith riwayat Muslim)

Manakala darah korban yang tumpah ke bumi akan mengambil tempat yang mulia di sisi Allah SWT sebagaimana dirakamkan dalam hadis daripada A’isyah r.anha. bahawa Rasulullah SAW bersabda, maksudnya:

“Tidak ada amalan yang dilakukan oleh anak Adam pada Hari Raya Korban yang lebih disukai Allah melainkan menumpahkan darah (menyembelih binatang korban). Sesungguhnya binatang korban itu akan datang pada Hari Kiamat bersama tanduk, kuku dan bulunya dan Allah memberi pahala ibadah korban itu sebelum darah binatang korban itu jatuh ke bumi. Oleh itu, elokkanlah korban kamu.”

(Hadith riwayat Tarmizi)

3.2 Hukum Melaksanakan Ibadat Korban di Luar Negara

Hukum pelaksanaan ibadat korban yang asal adalah di sembelih sendiri dan di tempat tinggalnya bagi memberi manfaat kepada orang di sekitar. Hukum melaksanakan ibadat korban ke luar negara secara umumnya dibincangkan oleh ulama-ulama terdahulu di dalam bab memindahkan daging sembelihan korban ke negeri/negara lain. Ulama mempunyai pandangan yang berbeza seperti berikut:

a. Mazhab Hanafi berpandangan bahawa memindahkan ibadat korban ke negeri lain dikira sebagai makruh seperti pemindahan agihan zakat ke negeri lain, kecuali jika diberikan kepada

saudara maranya yang di negeri itu atau penduduk lain yang lebih berhajat kepada daging korban berbanding penduduk di negerinya sendiri (al-Zuhaily, 2010. hlm. 3/630).

b. Mazhab Maliki pula berpendapat bahawa tidak diharuskan memindahkan ibadat korban ke negeri yang jauh jaraknya dari tempat korban tersebut dilaksanakan, kecuali penduduk kawasan tersebut lebih berhajat daripada penduduk di kawasan atau negeri sendiri. Pandangan yang sama daripada mazhab Hanbali dan Syafi'e tentang keharusan memindahkan ibadat korban ke tempat lain yang jauhnya kurang daripada dua marhalah daripadanya tempat asalnya. Diharamkan memindahkan ibadat korban ke tempat lain apabila melebihi dua marhalah dan ke atas (al-Zuhaily, 2010. hlm. 3/630). Hukum keharusan yang dinyatakan oleh mazhab Syafi'e adalah berdasarkan kaedah *qiyas* dengan pengeluaran zakat di luar negara di mana sepatutnya didahulukan di tempat sendiri (al-Husaini, 1994. hlm. 534).

Manakala di Selangor, menurut seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 En.1/2003, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada 23 Jun 2005 telah memutuskan bahawa harus memindahkan daging korban sama ada ia qurban wajib atau pun sunat ke tempat lain setelah diagihkan kepada orang-orang fakir dan miskin secara merata di kawasan tersebut (<http://www.muftiselangor.gov.my/> 87-fatwa /ibadah/ 141 fatwa tentang hukum wakalah dan beberapa perkara berbangkit dalam ibadat qurban [25/7/2018]). Perkara yang sama juga telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil.8/2013 untuk menerima Muzakarah Fatwa Kebangsaan kali ke-66 bertarikh 25 November 2004 berkenaan hukum keharusan mengagihkan daging korban ke tempat atau negara lain (http://muftins.gov.my/index.php/arkib2/himpunan_fatwa/744_hukum_wakalah_dan_beberapa_perkara_berbangkit_dalam_ibadah_qurban [25/7/2018]).

Menurut Sheikh Muhammad bin Muhammad al-Muhktar al-Shanqiti berpendapat bahawa ibadat korban di luar negara adalah sah dan pelakunya mendapat pahala. Namun, paling afdalnya dilakukan di tempat tinggalnya dan juga di luar negara yang berada dalam kesukaran (<http://ar.islamway.com/fatwa/5759> [25/7/2018]). Dr. Nazim al-Misbah pula menyokong pandangan ini dengan amalan Rasulullah s.a.w mewakilkan saidina Ali untuk melakukan baki penyembelihan korban baginda ketika Haji Wada' (<http://www.alanba.com.kw/weekly/kuwait-news/Islamic-faith> [17/7/2018]).

3.3 Akad Perwakilan Ibadat Korban Luar Negara

Akad perwakilan (wakalah) bererti penyerahan seseorang kepada orang lain untuk melaksanakan sesuatu sebagai ganti dirinya ketika dia masih hidup dan perkara tersebut ialah sesuatu yang boleh diwakilkan menurut hukum syarak (al-Ramli, 1967. hlm. 5/15). Perwakilan ini merupakan satu bentuk transaksi dalam rangka bantu-membantu antara satu sama lain.

Perkara utama dalam melaksanakan ibadat korban itu ialah membeli binatang korban, menyembelih dan mengagihkan dagingnya. Ketiga-tiga perkara di atas boleh diwakilkan kepada orang lain sekiranya orang yang hendak berkorban itu tidak mampu melakukannya sendiri. Namun untuk membolehkan wakil berkenaan mempunyai hak menguruskan pengendalian korban berkenaan hendaklah ada suatu akad yang mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan berdasarkan keizinan muwakkil. Menurut al-Syirazi, 1996, keizinan itu boleh terjadi sama ada melalui kata-kata 'uruf.

3.3.1 Wakalah *mutlaqah* dan *muqayyadah*

Perwakilan yang dilakukan dalam jual beli binatang korban akan menjadi wakalah *mutlaqah* jika di dalam akad tidak menyatakan jenis, sifat dan harga belian. Menurut pandangan Abu Hanifah dalam perwakilan ini wakil mempunyai kebebasan dalam menguruskan perintah tersebut kerana menurut kaedah asal akad yang mutlak hendaklah dilaksanakan secara mutlak dan tidak boleh dihadkan (al-Zuhaily 1997 hlm. 4/156). Sebaliknya jika dinyatakan secara jelas jenis, sifat atau harganya maka ia akan menjadi wakalah *muqayyadah* (Mohammad Deen Mohd Napiah 1995 hlm. 65). Tanggungjawab wakil dalam melaksanakan wakalah *mutlaqah* hendaklah membeli binatang korban yang selamat daripada kecacatan. Jika wakil mengetahui kecacatan itu, *muwakkil* tidak diwajibkan menerima belian tersebut walau pun tidak melanggar had harga yang ditetapkan semasa akad. Hal ini kerana wakil tidak dibenarkan untuk membeli binatang yang cacat.

Manakala jika wakil tidak mengetahuinya, *muwakkil* wajib menerima belian tersebut sama ada harga belian itu sama dengan harga yang ditetapkan dalam akad atau tidak. Ini kerana tidak ada kemudaratan kepada muwakkil dan ia mempunyai pilihan sama ada menerima binatang tersebut atau mengembalikannya kepada penjual.

Selain itu, wakil wakalah *mutlaqah* hendaklah membeli dengan harga pasaran atau lebih mengikut keuntungan yang biasa dilakukan oleh pembeli-pembeli yang lain. Apabila wakil membeli dengan harga yang lebih tinggi daripada uruf, muwakkil tidak diwajibkan menerima pembelian tersebut. Belian itu berlaku ke atas wakil untuk dirinya.

Ada pun dalam melaksanakan wakalah *muqayyadah* wakil hendaklah mematuhi arahan yang ditentukan. Jika wakil gagal mematuhi arahan, muwakkil tidak diwajibkan menerima binatang belian itu melainkan pelanggaran itu membawa kebaikan dan manfaat kepadanya.

3.3.2 Wakalah dengan bayaran upah

Pelaksanaan wakalah boleh dilakukan secara sukarela (percuma) dan ianya adalah merupakan satu bentuk ihsan dan kerjasama yang sangat digalakkan dalam Islam. Hal ini menurut pandangan Maliki, Hanbali dan Hanafi wakil bebas untuk meneruskan kerja atau melepaskan dirinya pada bila-bila masa sahaja (al-Zuhaily 1997 hlm. 4/151).

Walau bagaimanapun apabila perwakilan disertakan dengan upah, akad tersebut menjadi *ijarah 'ala al-'amal* iaitu upah kepada sesuatu pekerjaan (Muhammad ibn Qasim, 2005 hlm. 197). Akad ini dikategorikan sebagai akad *mu'awadah* seperti jual beli. Perwakilan sah dilakukan dengan cara mengambil upah seperti mana Rasulullah s.a.w pernah mengutus wakil Baginda untuk mengutip zakat dan mereka dibayar upah. Upah tersebut hendaklah diketahui oleh wakil sebelum kerja dimulakan dan wakil berhak menerimanya setelah selesai melakukan tugas yang diwakilkan (al-khin et al. 2000 hlm. 3/334).

Menurut Dr Wahbah al-Zuhaly (1997) keharusan memberi upah dalam perwakilan adalah disebabkan pengharusan Islam terhadap akad perwakilan. Wakil boleh mengambil upah terhadap pekerjaannya. Perwakilan dengan bayaran upah disyaratkan adanya *ijab* (penawaran) dan *qabul* (penerimaan) serta pekerjaan yang dilakukan hendaklah betul dan tepat (al-Ansari, t.th. hlm. 3/408-414).

3.3.3 Wakil melantik wakil

Dalam keadaan wakil yang diamanahkan tidak mampu melakukan ibadat korban, para ulama fiqh berpendapat bahawa wakil diharuskan mewakilkan kepada orang lain sebagai wakilnya tanpa perlu mendapat keizinan daripada muwakkil. Sekiranya wakil mampu melaksanakannya sendiri, wakil tidak boleh mewakilkan kepada orang lain melainkan mendapat keizinan daripada muwakkil sebelum melantik orang lain menjadi wakil (al-Nawawi, 1995 hlm. 4/218).

Sekiranya wakil hanya mampu melaksanakan sebahagiannya sahaja disebabkan urusan terlalu banyak, maka wakil boleh mewakilkan urusan yang tidak dapat dilaksanakan kepada orang lain. Tetapi wakil tidak boleh menyerahkan keseluruhan urusan perwakilan berkenaan (al-Syirazi, 1996 hlm 3/353 & al-Ramli, 1967 hlm 5/38-40).

Oleh kerana kerja pelaksanaan ibadat korban boleh diwakilkan kepada orang lain, perwakilan tersebut boleh berlaku sama ada melalui upah atau tanpa upah. Sekiranya ada upah, upah mestilah diketahui dan dipersetujui oleh wakil dan *muwakkil*. Berikut adalah kaedah-kaedah pelaksanaan ibadat korban semasa secara perwakilan:

a. Bayaran pengurusan ibadah korban komersial secara langsung

Ibadat korban dilaksanakan oleh organisasi yang terlibat secara langsung di dalam pengurusan ibadat korban secara komersial. Pakej ibadat korban dinyatakan dengan jelas untuk satu bahagian lembu atau seekor kambing. Sebagai contoh harga RM500.00 untuk satu bahagian lembu tanpa dinyatakan upah, kos pengurusan dan keuntungan walau pun perkara-perkara tersebut telah dimasukkan dalam bayaran penyertaan. Ini diharuskan kerana pengurus korban melakukan sendiri kerja-kerja penyembelihan, melapah dan mengagihkan daging korban bersama-sama pekerja-pekerjanya. Jadi, harga RM500 sudah merangkumi semua perkara dalam pakej tersebut (<http://drazman.net/wp-content/uploads/2015/09/Konsep-Wakalah-Dan-Isu-Isu-Semasa-Dalam-Ibadah-Korban-azman-020914.pdf> [26/6/2018]).

Ini berbeza dengan mewakilkan kerja tersebut kepada pihak ketiga dengan harga yang lebih murah untuk mengambil untung di atas angin. Sekiranya diletakkan harga RM500, tetapi diwakilkan pula pihak ketiga dengan harga RM400, tanpa pengetahuan *muwakkil* yang, maka

akan menimbulkan masalah hukum. Ini kerana wakalah ke atas wakalah adalah tidak sah kecuali dengan keizinan *muwakkil* asal.

Di Mekah sebagai contoh, Syarikat Al-Rajhi ada menawarkan khidmat sembelihan korban dan melaksanakan *dam* haji di mana pelanggan hanya membeli kupon korban. Segala kerja penyelenggaraan dan agihan dilaksanakan oleh syarikat tersebut. Boleh dianggap jualan kupon tersebut sudah merangkumi wakalah. Bagi penganjur ibadah korban yang memiliki ladang, rumah sembelih dan prasarana sendiri, sebaik-baiknya dinyatakan di dalam kupon atau resit wakalah melaksanakan ibadah korban tersebut adalah *wakalah* daripada pelanggan kepada pengurus untuk melakukan kerja korban dan mengagihkan dagingnya kepada fakir miskin. Mengambil upah ke atas khidmat menawarkan pelaksanaan ibadah korban yang terjamin dan dilakukan dengan penuh amanah adalah harus dan tidak menimbulkan isu Syariah. Sekiranya ada lebih daripada kos, bahkan ia boleh dianggap sebagai keuntungan kepada penganjur.

Adapun penganjuran wakalah ibadah korban secara individu atau berkumpulan tanpa memiliki prasarana seperti di atas, perlu dinyatakan sekiranya kerja-kerja penyelenggaraan dilakukan oleh pihak lain, maka ia termasuk di dalam hukum *wakalah* ke atas *wakalah*, di mana ia perlu kepada kebenaran *muwakkil*. Sama ada dilakukan sendiri oleh wakil, atau wakil lapis kedua, perlu dinyatakan juga apa yang dilakukan kepada lebih baki penyelenggaraan ibadah korban. Ia boleh dianggap hibah kepada wakil atau disalurkan kepada aktiviti kebajikan. Sekiranya tidak dinyatakan, maka perlu dikembalikan kepada *muwakkil*.

b. Bayaran pengurusan ibadah korban komersial bukan secara langsung

Penganjuran program ibadat korban yang dilakukan oleh syarikat, organisasi atau pun persatuan dengan menawarkan harga RM 500.00 adalah harga sebahagian lembu. Pengurus perlu menyatakan kos operasi korban seperti kos pengurusan, upah dan lain-lain. Jumlah kos dan skop pekerjaan pengurus yang perlu dilakukan mestilah dengan persetujuan kedua-dua pihak (al-Ramli, 1984 hlm. 5/266). Dalam hal ini, peserta korban perlu mengetahui kadar harga bagi satu bahagian/seekor binatang korban dan kadar upah yang diambil oleh pihak pengurusan terbabit (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013 hlm. 21). Perkara-perkara yang perlu diperhalusi apabila melibatkan urusan bayaran ke atas pihak ke tiga dan berlakunya lebih duit penyertaan seperti berikut:

i. Bayaran individu atau organisasi sebagai wakil daripada wakil asal.

Dalam keadaan bertindak sebagai wakil kepada pengurus ibadat korban dengan bayaran upah atau komisyen yang telah dipersetujui. Sesetengah bank Islam di Timur Tengah seperti Saudi dan Mesir menawarkan produk “*sak al-adhahi*” iaitu pakej ibadat korban yang merangkumi wakalah untuk sembelihan dan agihan daging korban. Ini dibenarkan oleh kebanyakan ulama semasa. Sekiranya mereka mengambil komisyen daripada jualan tersebut, perlulah dinyatakan berapa jumlah komisyen kerana ia melibatkan upah, dan upah di dalam aqad *mu'awadah* mestilah diketahui.

ii. Serahan hibah bersyarat ke atas lebih kos korban

Hibah bersyarat tidak sepatutnya dianggap sebagai upah. Ini kerana upah mestilah diketahui dan dipersetujui. Hibah bersyarat bagi lebih kos penyelenggaraan ibadah korban boleh dibahagikan kepada tiga keadaan:

- a. Hibah bersyarat disebut di samping upah yang ditentukan pada permulaan (*upfront*), sekiranya ada baki, diberikan juga kepada wakil. Dalam hal ini ia boleh diambil oleh wakil.
- b. Hibah bersyarat tidak bersama upah, (wakalah tanpa upah), tetapi lebih diberikan kepada pengurus. Sekiranya ada lebih, maka ia boleh diambil oleh wakil.
- c. Tidak dinyatakan upah dan tidak dinyatakan juga apa yang akan dibuat dengan lebih. Ini dikira wakalah tanpa upah. Sekiranya tidak dinyatakan ke mana atau apa yang akan dilakukan kepada duit lebih kos operasi korban, pengurus perlu memulangkannya semula kepada peserta. Sekiranya ada dinyatakan apa yang perlu dibuat dengan lebih duit, maka boleh disedekahkan kepada badan kebajikan, sekolah agama, rumah anak yatim, surau atau untuk aktiviti agama dan kebijakan.

Konsep ini disebut oleh fuqaha sebagai:

إذا قال الموكل للوكيل: بع العين بكذا، فما زاد فهو لك

Apabila berkata pewakil kepada wakil: “Juallah barang ini dengan sekian-sekian, apa yang lebih adalah untukmu.

Di antara ulama yang mengharuskan konsep ini (upah bersyarat) ialah Ibn Abbas, Al-Zuhri, Qotadah, Ayub al-Sakhtiyani, Ibn Sirin, Al-Sya'bi, Hassan al-Basri, Ishaq Ibn Rahawaih, Ahmad bin Hanbal, dan juga ulama mazhab Hanbali (al-Himyari, Abdul Razzaq, 1994. hlm. 2/252). Ulama yang bersandarkan kepada pandangan ini juga mengharuskan membeli dengan harga sekian, sekian, sekiranya harga yang diperolehi lebih rendah, maka perbezaan harga itu diberikan kepada wakil.

Walaupun begitu, perlu diingatkan supaya tidak berlaku *ghubn* iaitu kerugian disebabkan penipuan bagi muwakkil, kadang-kadang lembu yang disembelih adalah yang kurus atau tidak cukup syarat sah sembelih, kerana dibeli dengan harga yang begitu rendah disebabkan pengambilan upah yang tinggi. Kaedah ini boleh dipakai sekiranya sesuatu yang dibeli (*subject matter*) diketahui kualiti, spesifikasi dan harga di pasaran, terkawal dalam transaksi biasa. Lebihan kos pula tidak sepatutnya dianggap sebagai keuntungan yang dicari dalam menunaikan ibadah korban.

Pandangan Dr Noh Ali Salman (2010) menyatakan keharusan memberikan (hibah) lebihan kos kepada pengurus ibadat korban secara kebajikan untuk membeli lagi binatang korban lain untuk dikorbankan dan boleh diniatkan bagi pihak peserta atau kumpulan miskin tertentu (<http://www.aliftaa.jo/index.php/fatwa/show/id/725>. 27/9/13 [26/7/2018]).

3.4 Masalah-Masalah di dalam Akad Perwakilan Ibadat Korban Luar Negara

Menurut Dr Azman Mohd Noor menjelaskan potensi kesilapan-kesilapan yang kerap berlaku dalam perwakilan ibadat korban seperti berikut: (<http://drazman.net/wp-content/uploads/2015/09> [27/7/2018])

- i. Bayaran penyertaan korban dilakukan tanpa akad yang jelas dan terperinci.
- ii. Tidak dinyatakan akad perwakilan ketika mengambil tempahan sama ada secara mutlak atau secara khusus.
- iii. Tidak dinyatakan berapa upah yang diambil oleh wakil ketika akad wakalah dengan bayaran upah (*wakalah bi al-ajr*). Sekiranya wakil mengambil upah daripada kos korban tanpa pengetahuan muwakkil dan keizinannya, maka pendapatan itu adalah haram.
- iv. Tidak dinyatakan dengan jelas berkaitan dengan lebihan kos operasi. Sekiranya tidak dinyatakan, maka wakil perlu memulangkan kembali lebihan tersebut kepada *muwakkil*.

- v. Tidak dinyatakan secara jelas wakil ke atas wakil di dalam akad perwakilan terutamanya di luar negara dalam melaksanakan ibadat korban. Sekiranya tanpa persetujuan *muwakkil*, ia boleh menjejaskan kesahihan akad.
- vi. Melakukan penipuan dengan cara binatang korban tidak disembelih langsung atau disembelih hanya sebahagian sahaja. Atau pun binatang yang disembelih tidak sampai tahap umur minimum binatang untuk dikorban atau binatang yang terlalu kurus dan dibeli dengan harga yang murah untuk mendapatkan keuntungan yang maksimum.

4.0 ANALISIS SOROTAN KAJIAN

Akad perwakilan merupakan asas penting dalam menentukan kesahan hukum untuk dikaji amalannya di lapangan yang menawarkan perkhidmatan ibadat korban ke luar negara. Apabila akad yang dijalankan di antara peserta dan pengurus korban bermasalah, ia akan membawa kepada pelbagai permasalahan lain iaitu kos operasi, nisbah keuntungan, tanggungjawab pengurus dan agihan binatang korban yang membawa kepada keraguan sebahagian masyarakat tentang pelaksanaan ibadat korban.

Jadual 1: Ringkasan Analisis Sorotan Kajian

Bil.	Penulis	Hasil Kajian
1.	Al-Zuhaly (2010), al-Hasani (1994), Fatwa Selangor (2003), Fatwa Negeri Sembilan (2013), Fatwa Kebangsaan (2004), al-Shanqiti (t.th.) dan al-Misbah (t.th.)	<p>Hukum Ibadat Korban di Luar Negara</p> <ul style="list-style-type: none"> - Harus melaksanakan ibadat korban di negeri/negara lain. - Lebih utama (afdal) korban dilaksanakan di kawasan tempat tinggalnya dan juga di luar negara yang lebih memerlukan.
2.	Al-Nawawi (1995), al-Syirazi (1996) dan al-Ramli (1967)	<p>Wakil ke atas wakil</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tidak harus wakil mewakilkan kepada orang lain tanpa izin pewakil. - Tidak harus mewakilkan kepada orang lain apabila ia mampu melakukannya. Jika tidak mampu melaksanakan apa yang diwakilinya harus dia mewakilkan kepada orang lain.

-
3. Muhammad ibn Qasim **Wakalah dengan bayaran upah**
(2005), al-Khin et al - Kandungan akad dan jenis haiwan yang jelas.
(2000), al-Zuhaily (1997) - Kadar harga yang satu bahagian/ekor binatang dan al-Ansari (t. th.) korban.
- Menetapkan kadar kos pengurusan di awal akad bukan selepas akad.
 - Menetapkan kos pengurusan yang terlibat di luar negara selepas akad adalah ditanggung oleh pengurus program.
4. al-Himyari (1994) dan Noh **Lebih bayaran penyertaan**
Ali Salman (2010)
- Lebih bayaran dianggap hibah kepada wakil jika dinyatakan semasa akad perwakilan.
 - Lebih bayaran perlu dikembalikan kepada peserta/pembayar korban jika tiada dinyatakan dengan jelas kemana lebih tersebut disalurkan.
-

5.0 KESIMPULAN

Perbincangan oleh sarjana mengenai akad perwakilan ibadat korban ke luar negara secara keseluruhannya dilihat sebagai satu subjek perbincangan yang penting untuk diambil perhatian dalam menjalankan perintah Allah SWT. Sewajarnya, untuk kajian mendatang dicadangkan diberi perhatian kepada amalan semasa di dalam industri yang menawarkan pakej ibadat korban ke luar negara bersandarkan kepada akad perwakilan yang sah. Hasil sorotan kajian yang dibuat, didapati masih belum ada kajian yang meneliti secara khusus tahap kepatuhan akad perwakilan di dalam organisasi atau syarikat yang terlibat pengurusan ibadat korban secara kormesial.

Penyertaan program ibadat korban ke luar negara semakin berkembang bukan sahaja di peringkat masyarakat Islam yang berada di bandar, malahan pada peringkat luar bandar perlu diuruskan secara profesional dan telus. Program ibadat korban ke luar negara perlu dipantau agar penyelewengan dapat dihindarkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

RUJUKAN

- °Abdul °Azhim bin Badawi. 2001. *Al-Wajiz fi Fiqh al-Sunnah wa al-Kitab al-°Aziz*.
Kaheerah: Dar Ibnu Rajab.
- Abdur Razzaq Al-Himyari Al-Yamani, 1994. *Musannaf Abd Al-Razzaq*, (15018), Ibn
Qudamah, *al-Kafi*, (Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- al-Ansari, al-Sheikh Zakaria, t.th. *Hasyialhal-Sheikh Sulaiman al-Jamal*. Jil. 3, Dar al-
Fikr, Beirut.
- al-Husaini, Taqiyuddin. 1994. *Kifāyat al- Akhyār*. Dimasyq: Dār al-Khāir.
- al-Zuhaili, Wahbah. 2010. *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. Dimasyq: Dār al-Fikr.
- al-Khin, Mustafa, al-Bugha, Mustafa & al-Syarbaji. 2000. *al-Fiqh al-Manhaji ‘ala
Mazhab al-Imam al-Syafi’i*. Jil. 3, Dar al-Qalam. Damsik.
- al-Ramli, Syams al-Din Muhahmad bin Abi al-Abbas Ahmad bin Hamzah Ibn Syihab
al-Din, 1967. *Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*, jil 5, Maktabah Mustafa
al-Babi al-Halabi, Mesir.
- al-Nawawi, Abi Zakaria Yahya bin Syarf. 1995. *Raudhah al-Thalibin wa ‘Umdah al-
Muftin*. Jil. 2 & 4. Dar al-Fikr, Beirut.
- al-Syirazi, Abu Ishaq. 1996. *al-Muhazzab fi fiqh al-Imam al-Syafi’i*. Jil 3, Dar al-Qalam
& Dar al-Syamiyyah, Beirut, Damsik.
- al-Zuhaili, Wahbah. 1997. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Jil. 5, Dar al-Fikr, Damsik.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2013. *Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Qurban*.
Selangor: OMR Press Sdn Bhd.
- Muhammad ibn Qasim Asy-Syafi’i, 2005. *Fathul Qarib Al-Mujib*, Bairut: Dar Ibn
Hazm.
- Mohammad Deen Mohd Napiah 1995, *The Theory Of The Ejency (al-Wakalah) In
Islamic Law*, Tesis PhD, Department of Law and Public Administration,
Glasgow Caledonian University, Glasgow.
- Wizarah al-Aufaq wa al-Shuun al-Islamiah. 2010. *Al-Mausū’ah al-Fiqhî al-Islâmî*.
Kuwait: Cetakan ke-2. Darul as-Salasil.